



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Berita Harian - Belanja Sakan Untuk Pilihan Raya

Berita Harian - Belanja Sakan Untuk Pilihan Raya

🕒 Isnin, Sep 24 2018



AKAUN HASIL DISATUKAN MEROSOT KEPADA RM450J DARIPADA RM11.86B

Belanja sakan untuk pilihan raya

➔ Guan Eng dakwa peruntukan bantu kempen BN hadapi PRU-14

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Kementerian Kewangan mendedahkan Akaun Hasil Disatukan yang merosot kepada RM450 juta berbanding RM11.86 bilion pada 31 Disember 2017, adalah berikutan perbelanjaan berlebihan untuk tempoh antara Januari hingga April lalu. Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata jelas ia adalah 'perbelanjaan pilihan raya umum' yang digunakan untuk cuba membantu Barisan Nasional (BN) me-

menangi Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Datuk Seri Najib Razak masih enggan menjelaskan sebab hanya ada RM450 juta dalam Akaun Hasil Disatukan yang ditinggalkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 30 April 2018, iaitu penyusutan sebanyak 96 peratus atau RM11.41 bilion, berbanding dengan RM11.86 bilion pada 31 Disember 2017.

"Beliau juga nampaknya menghadapi kesukaran untuk membekalkan antara Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Disatukan apabila mendakwa bahawa pada 31 Disember 2017, Kerajaan

Persekutuan mempunyai RM18.06 bilion untuk dibelanjakan dan bukan sebanyak RM11.86 bilion seperti yang didedahkan oleh saya.

"Najib juga salah anggap bahawa jumlah di dalam Kumpulan Wang Disatukan boleh digunakan. Ketara sekali, beliau gagal dalam ujian perakaunan kerana keliru dengan perbezaan Kumpulan Wang Disatukan dan Akaun Hasil Disatukan.

"Mengikut undang-undang, kerajaan cuma boleh menggunakan Akaun Hasil Disatukan untuk perbelanjaan pengurusan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Guan Eng berkata, Najib harus

menjelaskan mengapa terdapat penyusutan sebanyak 96 peratus atau RM11.41 bilion dalam Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2017 sehingga 30 April 2018, dan hanya meninggalkan RM450 juta kepada kerajaan baharu.

Katanya, Najib juga mendakwa bahawa beliau bukan lagi Menteri Kewangan apabila penyata kewangan bulanan untuk 30 April 2018 yang belum diaudit disediakan.

"Beliau juga mendakwa terkejut apabila mendapati Kerajaan BN cuma meninggalkan RM450 juta di dalam Akaun Hasil Disatukan kepada kerajaan baharu. Ini sama sekali tidak benar," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216